

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Institut ASTIN**

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**YKT III – Teori Dan Penyelidikan Komunikasi I**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA [3]** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

- 2 -

1. Dengan merujuk kepada kedua-dua artikel Musa Abu Hassan [2002] dan Zaharom Nain [2002], sejauh manakah satu bentuk teori komunikasi serantau perlu dibentuk dan dimajukan?
  
2. Selain dari kawalan perundangan, industri media juga dikawal secara tidak langsung melalui proses pemilikan dan penguasaan. Bincangkan bagaimana faktor pemilikan dan penguasaan sistem media tempatan ini mempunyai kesan ke atas penghasilan bahan media.
  
3. Proses pembangunan yang disarankan oleh teori modenisasi mengenepikan faktor-faktor sejarah dan tidak menilai secara menyeluruh struktur sosial masyarakat di negara-negara dunia ketiga. Nilaikan kenyataan ini dengan meneliti implikasi proses tersebut ke atas media serta sistem sosial dan politik masyarakat negara membangun.
  
4. Nilaikan pandangan yang dimajukan oleh pengkaji seperti John Fiske (1978) dan Ien Ang (1991) yang menyatakan audiens adalah aktif. Adakah ini bermakna audiens aktif berkuasa?
  
5. Kajian komunikasi bukanlah hanya untuk keperluan pasaran atau penggubalan dasar. Bincangkan dengan contoh-contoh apakah kriteria kajian komunikasi yang relevan pada masyarakat.

- ooo O ooo -